

# Jangan biayai saham bersifat spekulatif — Dr. M

— 8 SEP 1990

KUALA LUMPUR 7 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bank-bank supaya jangan membiayai pembelian saham bersifat spekulatif dan terlalu membabitkan diri dalam pembiayaan pembangunan harta.

Katanya pasaran saham sekali lagi menyaksikan spekulasi keterlaluan yang menaikkan harga kepada paras yang tidak realistik dengan paras-paras yang selalunya tinggi dan tiba-tiba dan agak tidak berkaitan dengan prestasi syarikat. Beliau menambah bahawa spekulasi keterlaluan adalah trend yang tidak sihat.

"Pasaran saham tidak harus menjadi institusi perjudian. Ia harus digunakan bagi pelaburan dan meningkatkan dana-dana bagi pemiagaan," kata beliau semasa berucap pada majlis jamuan tahunan institusi-institusi kewangan di sebuah hotel terkemuka di sini.

Mengenai hartanah, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa pasaran itu tidak pernah stabil dan sebab itulah bank-bank perlu lebih teliti apabila membiayai pembangunan harta. Beliau memberi amaran terhadap kebanjiran pembangunan kediaman dan kondominium sementara berkemungkinan terdapat kelebihan bekalan ruang pejabat.

Bagaimanapun, katanya perkara yang menghairankan ialah banyak projek kediaman dan ruang pejabat telahpun bermula, sementara projek-projek hotel nampaknya ketinggalan dengan anjuran, jika betul, menunjukkan kekurangan tenat bilik-bilik di dalam beberapa tahun akan datang.

Akibatnya, para pengusaha bank, yang katanya menyedari ini, patut menggalakkan secara aktif pembangunan berkaitan dengan pelancongan. "Sava kira wang-tuan-tuan akan lebih selamat jika dilabur dalam hotel daripada dalam kediaman atau pembangunan pejabat," tambah Perdana Menteri.

Mengenai kecenderungan-kecenderungan inflasi, katanya sementara harga dalam negeri tidak merupakan masalah sebenar, yang bertanggungjawab sebenar ialah apa yang disebut sebagai 'psikologi inflasi' — satu keadaan pemikiran yang mendorong para-pengguna, pengeluaran, pekerja dan peniaga menjangka kenaikan harga.

## Kehilangan kuasa

Dengan berbuat demikian, mereka bertindak terlalu awal dan dengan itu mewujudkan apa yang mereka harap untuk mengelakkannya iaitu kehilangan kuasa membeli. Katanya, "fenomena itu sebenarnya adalah tidak wajar kerana tiada seorang pun akan memperoleh lebih banyak jika jumlah yang diperolehi daripada segi angkanya meningkat."

Apabila ini berlaku, kerajaan sentiasa digesa berbuat sesuatu, "ada kepercayaan yang naif bahawa dengan penmdangan semata-mata, inflasi boleh dibendung," katanya dan menambah bahawa satu contoh ialah 'angkatunjuk harga upah'.

Negara-negara yang cuba membuat angkatanunjuk harga upah telah tidak dapat menghapuskan kepeningan mereka manakala yang telah membiarkan diri mereka diinggapi oleh 'penyakit jiwa inflasi' tidak dapat melepaskan diri, terutama apabila mereka mengharapkan kerajaan sahaja berbuat sesuatu.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata masyarakat peniaga dan pengguna juga perlu memaikan peranan mereka dengan membeli hanya barangan perlu apabila inflasi mengancam manakala upah tidak patut dinaikkan kecuali terdapat kenaikan yang sama dalam produktiviti.

Katanya peningkatan produktiviti tidak bermakna jika harga keluaran-keluaran naik yang bermakna peningkatan produktiviti mesti menghasilkan harga yang terus stabil.

## SAMBUNGAN DARI MUKA 1

### JANGAN BIAYAI SAHAM BERSIFAT SPEKULATIF

Dengan membendung inflasi di dalam negeri, keluaran-keluaran Malaysia akan lebih kompetitif lagi di pasaran-pasaran luar negeri dengan itu meningkatkan kuasa belian negara, yang tegas Perdana Menteri adalah apa dia makna sebenarnya menjadi kaya.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga mengesa supaya budaya syarikat-syarikat berhad awam diubah yang bermakna, pergantungan kepada para-pengasas dan pemegang saham majoriti hendaklah diganti secara beransur-ansur dengan struktur pengurusan yang wajar dan benar-benar bersifat korporat.

Ke arah matlamat itu, katanya, bank-bank boleh menyumbang kerana mereka telah dibenarkan mengambil saham dalam pemiagaan bu-

kan bank.

"Mereka mempunyai lebih banyak kuasa daripada yang lain apabila mereka duduk dalam lembaga-syarikat dan mereka harus menggunakan kuasa itu bagi memastikan bahawa saham-majoriti tidak menyebabkan penguasaan mutlak," tambahnya.

Merujuk kepada syarikat-syarikat keluarga yang memperoleh penyenaiaan awam, katanya penyenaiaan janganlah dipandang sebagai cara mendapatkan kemudahan modal yang murah manakala masih terus kekal sebagai syarikat-syarikat persendirian.

Beliau berkata bank-bank juga hendaklah meneliti peluang-peluang yang ditawarkan Labuan, yang akan dijadikan Pusat Luar Pesisiran Antarabangsa.